



SULTAN IBRAHIM (depan, tengah) bersama Tunku Ismail (depan, kiri) pada sidang khas Istiadat Konvokesyen Ke-23 UTHM di Batu Pahat semalam. – IHSAN UTHM

Bagi hargai sumbangan baginda kepada UTHM, Johor dan Malaysia

# Sultan Johor terima Ijazah Kehormat

Oleh ADNAN IBRAHIM

**BATU PAHAT** – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dalam sidang khas Istiadat Konvokesyen Ke-23 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini semalam.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ir. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata, anugerah diberikan bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan baginda dalam kepimpinan lestari kepada UTHM, Bangsa Johor dan Malaysia.

Katanya, Sultan Ibrahim merupakan Canselor UTHM se-

lama 20 tahun sejak 2002 sebelum anakanda baginda, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Tunku Ibrahim dimasyurkan sebagai Canselor UTHM yang baharu pada 3 Disember tahun lalu.

“Sepanjang tempoh baginda sebagai Canselor, baginda telah memberikan sumbangan besar kepada universiti ini dengan menyokong pengembangan program-program inovatif antaranya program aeronautik, termasuklah pernah menyumbang pesawat jenis Lake Renegade LA-270 untuk kegunaan program tersebut bersempena dengan ulang tahun UTHM ke-25.

“Baginda juga menyokong penngenalan Program Sarjana Muda

dalam Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel, sejarah dengan perkembangan industri kereta api di Malaysia,” katanya.

Menurut beliau, selama tempoh itu, baginda juga telah meletakkan nama universiti ini di persada antarabangsa melalui sokongan kewangan dan kerjasama dengan institusi pendidikan serta industri antarabangsa.

“Baginda juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri Johor dengan menonjolkan minat baginda yang mendalam terhadap pelbagai bidang, termasuklah bidang teknologi kejuruteraan mekanikal,” katanya.

Tunku Temenggong Johor,

Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim dimasyurkan sebagai Pro-Canselor UTHM yang baharu bersama Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Dr. Azmi Rohani.

Sementara itu, seramai 4,837 graduan berjaya menamatkan pengajian dan menerima skrol masing-masing bersempena Konvokesyen UTHM selama enam hari bermula semalam.

Ruzairi berkata, daripada jumlah itu seramai 135 graduan menerima ijazah doktor falsafah, sarjana (314 graduan), sarjana muda (3,543) dan diploma (845).

Katanya, Canselor UTHM, Tunku Ismail Sultan Ibrahim telah menyempurnakan sidang khas istiadat konvokesyen yang

berlangsung semalam di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, di sini.

“Selain ini, dalam sidang satu, UTHM menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Ts. Dr. Ismail Abdul Rahman bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan,” katanya.

Tambahnya, beberapa anugerah lain seperti Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Canselor, Anugerah Tesis Terbaik Pascasiswazah (Ijazah Kedoktoran) dan Anugerah Tesis Terbaik Pascasiswazah (Sarjana Penyelidikan).